

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

*Sidang* Akademik 1994/95

April 1995

FCP 456.40 Pendispensan Terapeutik

Masa: (3 jam)

---

Kertas ini mengandungi TIGA (3) soalan di dalam 7 muka surat bertaip.

Jawap SEMUA (3) soalan.

Semua jawapan hendaklah diberikan dalam Bahasa Malaysia

...2/-

- 1. Lakukan ulasan terhadap preskripsi berikut:
  - (A) Senaraikan sebarang maklumat tambahan yang anda ingin tahu daripada doktor.
  - (B) Senaraikan masalah preskripsi yang berkaitan dengan drug.

**i. Preskripsi 1**

Klinik Astma	27 tahun	Peremp uan	Miss TT	1234567	12-3-95
Berat badan: 47 Kg					
Diagnosis: Astma		Rx. TheoDur <sup>R</sup> 300 mg. QID Becotide <sup>R</sup> 4 sedutan Q am & sedutan Q pm. Respolin <sup>R</sup> 2 sedutan QID Ponstan <sup>R</sup> ii caps PRN Benadryl <sup>R</sup> 10 ml. TID			} 3/12
tanda tangan  ..... (Dr. ABC)					
Alahan: Aspirin					

(20 Markah)

...3/-

**ii. Preskripsi 2**

Klinik	Perubatan	85 tahun	Perempuan	Mrs. PP	98765	12-3-95
Berat badan: 47 Kg						
Diagnosis:		Rx.			3/12	
Kegagalan jantung kongestif		Digoksin 0.25 mg. QD Lasix <sup>R</sup> 40 mg QD Dulcolax <sup>R</sup> 5 mg PRN Stemetil <sup>R</sup> 10 mg. PRN (mual & muntah)				
tanda tangan						
..... (Dr. ABC)						
lahan: tiada yang dilaporkan						

(10 Markah)

2. MN seorang perempuan Melayu berumur 77 tahun telah dimasukkan ke wad perubatan melalui unit kecemasan dengan aduan utama hilang selera makan, pucat, sembelit dan kesakitan epigastrik selama tiga hari. Semasa pemeriksaan MN didapati mempunyai tanda vital yang stabil, tidak sianosis tetapi kelihatan mengalami dehidrasi ringan dan palor teruk. Jantung dan paru-paru adalah normal. Abdomen didapati lembut tetapi MN mengadu sakit di bahagian epigastrik semasa palpasi mendalam. Beliau juga mengadu mempunyai najis melanic. Pemeriksaan endoskopi menunjukkan ulser duodenum kronik yang besar di bahagian 'duodenal cap'.

...4/-

Keputusan makmal:

Na <sup>+</sup>	140 mmol/L
K <sup>+</sup>	5 mmol/L
Urea	33.4 μmol/L
Kreatinin	212 μmol/L
Hemoglobin	4.1 g/dl
Hematokrit	12.1%
PT	12.5 seconds

Pesakit ini telah didiagnos mengidap pendarahan gastrousus dengan anemia akibat ulser duodenum. Semasa di dalam wad beliau dirawat dengan lebih kurang 20 unit sel mampat setiap hari dan ranitidin 50 mg IV TDS.

Kini pesakit semakin lebih stabil dan drug-drug berikut dipreskripsikan semasa discas:

Rx

Ranitidin	300 mg PO BD
Asid folat	5 mg daily
BCo	1/1 BD
FeSO <sub>4</sub>	200 mg BD
Campuran magnesium trisilikat	15 ml PRN

- (A) Senaraikan kesemua masalah terapeutik dalam MN.
- (B) Bincangkan bagaimana anda akan berkomunikasi dengan doktor yang menjaganya untuk mengatasi masalah yang dikenalpasti di atas.
- (C) Jelaskan bagaimana anda akan menasihati MN tentang ubat-ubat yang diberi untuknya semasa discas.

(35 Markah)

...5/

3. **Biodata:** NSM seorang kanak-kanak perempuan berumur 3 tahun mempunyai berat badan 11.1 kg dan tinggi 84.5sm telah dimasukkan ke HUSM pada 3 March 1995 kerana demam, pendarahan gusi, petekia dan lebam pada muka, badan dan kakinya.
- Sejarah:** NSM tidak pernah mempunyai masalah yang sama sebelum ini. Keluarga NSM juga tidak pernah mengalami masalah yang sama. Keluarganya juga menafikan NSM menggunakan drug secara kronik.
- Ulasan sistem:** Pesakit kelihatan pucat. Terdapat lebam-lebam dimuka, dada, abdomen, tangan dan kaki. Nodus limfatik membesar terutamanya di bahagian servikal dan inguinal tetapi tidak tender. Hati 5 sm dan spleen 4 sm. Lain-lain sistem tidak menunjukkan sebarang perubahan signifikan. Tanda-tanda vital adalah stabil melainkan demam 38.5°C.
- Ringkasan keputusan makmal:** Penurunan bilangan hematologi dengan hemoglobin 7.6 g/dL, Hematokrit 24.2%, WBC: 11800/mm<sup>3</sup>, dan Platlet 9,000/mm<sup>3</sup>. Biopsi sumsum tulang menunjukkan sum-sum yang dipenuhi oleh sel-sel mieloid abnormal.
- Rawatan di hospital:

...6/-

	Drug	Tarikh mula	Tarikh ber- henti
1.	IV Piprasilin 1100 mg. TDS.	3/3/95	10/3/95
2.	IV Amikasin 85 mg. BD	3/3/95	6/3/95
3.	IV Amikasin 140 mg. TDS.	6/3/95	12/3/95
4.	IV Seftazidim 500 mg. q. 8 H.	9/3/95	18/3/95
5.	Sirup Bactrim <sup>R</sup> 30 mg. BD	3/3/95	18/3/95
6.	Sirup PCM 200 mg q 6 H.	5/3/95	8/3/95
7.	Mandian Lactacyd <sup>R</sup> BD.	3/3/95	16/3/95
8.	Ampaian niastatin 50,000 IU q 6 H.	3/3/95	16/3/95
9.	Sitosin arabinosid 100 mg/m <sup>2</sup> /d BD.	5/3/95	13/3/95
10.	Daungrubisin 30 mg/m <sup>2</sup> /d BD.	7/3/95	11/3/95
11.	VP-16 150 mg/m <sup>2</sup> /d QD	10/3/95	13/3/95

...7/-

(A) Senaraikan masalah ahli farmasi?

(5 Markah)

(B) Kirakan kos yang diperlukan bagi setiap dos untuk drug-drug sitotoksik yang digunakan untuk merawat NSM.

(5 Markah)

C) Terangkan kaedah yang sesuai untuk penyediaan drug-drug berikut:

- I. Sitosin arabinosid.
- II. Daunorubisin.
- III. VP-16.

(10 Markah)

D) Berikan rawatan bantuan yang diperlukan oleh NSM sebelum dan selepas rawatan kemoterapi.

(10 Markah)

E) Komen tentang penggunaan antibiotik untuk NSM

(5 Markah)